

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/2/2011

Dakwa Mediu jadi pusat penyebaran fahaman Wahabi di negara ini

Tohmahan tidak berasas - Pak Lah

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS
pengarang@utusan.com.my

SHAH ALAM 16 Feb. - Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, dakwaan dan persepsi segelintir pihak bahawa Universiti Antarabangsa Al-Madinah (Mediu) dijadikan sebagai pusat penyebaran fahaman Wahabi di negara ini merupakan satu andaian yang tidak baik.

Bekas Perdana Menteri berkata, tohmahan itu tidak berasas kerana universiti tersebut mendapat pengiktirafan Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

"Tuduhan sebegitu jika ia tidak benar akan merugikan kita sendiri malah sehingga ke hari ini, sistem pengajaran di Mediu sudah terbukti berkesan dan menjadi tumpuan pelajar dari seluruh dunia.

"Saya sendiri gembira kerana pusat pengajian tinggi ini menggunakan kaedah pengajaran baru iaitu e-pembelajaran dan programnya tidak terhad pada bidang agama sahaja, malah menekankan elemen sains dan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pada majlis lawatannya ke universiti itu yang beroperasi di Plaza Masalam, di sini hari ini.

Sebelum ini, terdapat seorang pegawai kerajaan menulis dalam laman blognya mendakwa Mediu menjadi pusat penyebaran fahaman Wahabi di negara ini.

Sementara itu, Rektor Mediu, Prof. Dr. Muhammad Khalifa Al Tamimi, berkata, pihaknya berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana banyak menghulurkan ban-

Tuduhan sebegitu jika ia tidak benar akan merugikan kita sendiri malah sehingga ke hari ini, sistem pengajaran di Mediu sudah terbukti berkesan dan menjadi tumpuan pelajar dari seluruh dunia

- ABDULLAH AHMAD BADAWI
Bekas Perdana Menteri

tuhan, khidmat nasihat dan sokongan sejak dari awal penubuhan universiti itu di negara ini.

"Di sini, kami mempunyai beberapa elemen yang berbeza berbanding universiti lain kerana Mediu menawarkan program pengajaran melalui sistem pengajaran dan pembelajaran generasi ketiga dan sistem e-pembelajaran.

"Mediu juga melaksanakan konsep antarabangsa dan terbuka kerana kami sendiri merangka, menyediakan, menggunakan silih yang setaraf dengan universiti terkemuka lain, selain tenaga pengajar juga turut diiktiraf di peringkat antarabangsa," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi mendengar taklimat Pengurus Bahagian Perhubungan Pentadbiran Universiti Antarabangsa Al-Madinah (Mediu), Khalid Mahamat Idriss Ahmat (kiri) mengenai sistem komputer perpustakaan semasa melakukan lawatan ke Mediu, Shah Alam, semalam.